



**TALKING POINT
SIDANG MEDIA
MAJLIS PERASMIAN KIOSK @11, PRESINT 11,
PUTRAJAYA**

**20 OKTOBER 2020 (KHAMIS)
10.30 PAGI**

1. Kios Jualan Makanan dan Minuman di Presint 11, Putrajaya atau nama baharunya Kiosk@11 merupakan kios yang ke-3 berkonsepkan berhampiran komuniti yang dibangunkan oleh PPj selepas Kios D'Harmoni, Presint 9 dan Kios D'Belian, Presint 14.
2. Kiosk@11 telah memulakan operasinya pada 15 Februari 2020 memberi kemudahan kepada komuniti setempat di Presint 11, khasnya bagi penghuni kediaman termasuk Pangsapuri PRIMA, Putra Damai, PPAM Palma dan PPAM Melinjau dan Apartment Kuarters Kerajaan Presint 11.
3. Kiosk@11 menyediakan 12 ruang niaga untuk jualan aneka makanan dan minuman berkonsepkan "grab n go". Pembukaan kios ini telah mendapat sambutan baik daripada penduduk sekeliling.
4. Projek Kiosk@11 merupakan inisiatif kerajaan di bawah peruntukan Program Pembangunan Ekonomi Bumiputra (PEB) Kementerian Wilayah Persekutuan bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra di Putrajaya bagi menjalankan aktiviti perniagaan secara lebih teratur dan tersusun di samping memastikan aktiviti komersial yang berjalan di kawasan tersebut sentiasa dapat dikawal dan dipantau dari aspek kebersihan dan keselamatan kepada peniaga dan juga pengunjung.
5. Lebih 90 peratus peniaga kiosk@11 adalah terdiri daripada komuniti Putrajaya.
6. Di samping itu, PPj juga telah siap menaik taraf beberapa kemudahan premis perniagaan awam dan telah beroperasi semula sejak Januari 2020 termasuklah 13 lot niaga Medan Selera Presint 11, 17 lot niaga Medan Selera Presint 9 dan Taman Warisan Pertanian, Presint 16. PPj juga telah membangunkan 4 unit kiosk (*kios merah*) baharu di Persiaran Perdana yang dijangka beroperasi April 2020.
7. Pada tahun ini, PPj juga akan membangunkan 3 premis perniagaan awam baharu berjumlah RM11 juta secara keseluruhan iaitu;
 - i. 5 unit kios di Presint 6,
 - ii. 3 unit kiosk Baharu di Dataran Putra; dan
 - iii. Medan Selera Baharu Presint 8

8. Akhir kata, saya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan melahirkan rasa syukur atas kurniaan Allah SWT kerana dapat menyempurnakan harapan dan amanah rakyat untuk terus memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada rakyat selaras dengan tanggungjawab besar saya memastikan imej, intergriti, kebersihan dan kualiti perkhidmatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dapat dipertingkatkan secara holistik, sekaligus menjadi contoh dan penanda aras kepada bandar raya lain di Malaysia dan diperangkat global.

Sekian, terima kasih.